

DBKL nafi lantik SCIB ganti tiang lampu

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menafikan laporan media yang mengatakan pihaknya melantik Sarawak Consolidated Industries Berhad (SCIB) untuk melaksanakan apa-apa kerja bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

"DBKL tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana pihak bagi melantik SCIB atau mana-mana anak syarikatnya untuk melaksanakan apa-apa kerja bagi pihak DBKL," menurutnya dalam kenyataan semalam.

Media sebelum ini melaporkan, SCIB melalui anak syarikat milik penuhnya, SCIB Properties Sdn Bhd menerima surat lantikan bagi kontrak kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) bernilai RM30.75 juta daripada Ennova Sdn Bhd (Ennova) membabitkan penggantian 200 unit tiang lampu di Lembah Klang untuk DBKL.

Penggantian tiang lampu yang dijangka bermula bulan ini dan berakhir Mei 2023 itu mencetuskan komen beberapa pihak yang mempertikaikan nilai kontrak yang disifatkan tidak sepadan dengan kerja pembinaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Ennova, Megat Rozaimi Jaafar, berkata penggantian

“Sebenarnya ada 29 syarikat mendapat kebenaran ini dan setiap satu mempunyai cara mereka masing-masing untuk melaksanakan projek itu. Kontrak Ennova dengan SCIB membabitkan sebahagian daripada tiang lampu yang diberikan oleh DBKL melalui konsep ubah sewa”

Megat Rozaimi Jaafar,
Ketua Pegawai Operasi Ennova



tiang lampu konvensional di sekitar bandar raya ini bukan hanya memperkukuhkan rangkaian perkhidmatan 5G, malah menjadi sumber kewangan kepada DBKL.

Beliau yang menjawab kekeliruan daripada kenyataan media Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng, kelmarin berkata tiang lampu sedia ada akan digantikan dengan tiang lampu berintegrasi yang juga boleh menampung *repeater* yang diperlukan untuk meluaskan jaringan telekomunikasi terutama teknologi 5G.

Katanya, Ennova mendapat kebenaran DBKL untuk melakukan kerja penggantian dengan kos dan pelaburan ditanggung pihak

syarikat bagi tempoh lima tahun.

"Ennova kemudian memberikan kontrak itu kepada SCIB untuk membina dan mengoperasikan 200-tiang lampu terbabit bagi pihak Ennova bermula bulan ini hingga Mei tahun depan.

"Justeru, tidak timbul DBKL memberikan kontrak bernilai RM30 juta kepada syarikat swasta hanya untuk menggantikan tiang lampu.

"Sebenarnya ada 29 syarikat mendapat kebenaran ini dan setiap satu mempunyai cara mereka masing-masing untuk melaksanakan projek itu.

"Kontrak Ennova dengan SCIB membabitkan sebahagian dari-

pada tiang lampu yang diberikan oleh DBKL melalui konsep ubah sewa.

"Jadi, adalah tidak adil Lip Eng menyalahkan DBKL dalam hal ini sedangkan kontrak itu antara Ennova dan SCIB serta tidak membabitkan DBKL," katanya kepada *BH* semalam.

Katanya, setiap tiang lampu terdiri pelbagai saiz dan ketinggian itu akan membolehkan DBKL memperoleh nilai sewaan antara RM600 hingga RM1,000.

"Tiang lampu berintegrasi itu juga bukan pertama kali dipasang di negara ini, malah sudah banyak kawasan menggunakannya termasuk di sesetengah tempat di bawah DBKL.

"Selain memberikan pencahayaan yang lebih baik, lampu ini boleh menyumbang kepada perluasan rangkaian teknologi 5G di ibu negara. Ia sebenarnya berintegrasi dengan menara 5G, sebahagian memang untuk lampu jalan dan sebahagian lagi bagi menampung *repeater*.

"Kita sewakan tapak *repeater* ini kepada syarikat telekomunikasi dan mendapat keuntungan sebelum membayar sewa kepada DBKL," katanya setiap tiang lampu itu boleh bertahan antara 20 hingga 30 tahun dengan penyelenggaraan yang baik.